

# Qalam

KDN 186

145, Rabi' al-Awwal 1382, August 1962, 60 sen.

## Kuasa *Chief Kadi Singapura*

Sesudah berdirinya Mahkamah Syariah dengan adanya undang-undang Islam Singapura – 1957 maka pada 21 Mei 1960 diadakan tambahan atas pindaan undang-undang itu di antaranya mengandungi undang-undang 7 ayah<sup>1</sup> yang menguasakan bahawa *Chief Kadi Singapura* sahajalah yang dibenarkan menikahkan atau memberi kuasa menikahkan orang-orang Islam yang ada isterinya di Singapura. Kuasa itu adalah ia dibolehkan menikahkan seseorang lelaki yang ada isteri setelah ia puas hati dengan suatu penyelidikan bahawa perkahwinan ini dengan tidak ada halangan yang sah menurut undang-undang Islam.

Apabila Tuan Haji Ali bin Haji Muhammad Said Salleh memegang jawatan *Chief Kadi Singapura*, beliau telah mengkahwinkan<sup>2</sup> Tuan Said Ahmad Jamalullail dengan seorang perempuan “janda” setelah berpuas hati bahawa tidak ada halangan akan perkahwinan itu dilakukan mengikut hukum Islam. Tetapi perbuatan beliau menjalankan hukuman yang tidak berlawanan atau yang tidak ada halangan yang sah mengikut hukum Islam itu telah dipandang melanggar hukum negeri oleh Menteri Kehakiman sekalipun beliau telah menjalankan perkara yang diluluskan oleh syarak.

Orang-orang Islam pada masa itu tertanya-tanya - adakah undang-undang lain daripada undang-undang Islam itu yang dikenakan oleh kerajaan untuk orang-orang Islam? Haji Ali telah

menjalankan tugasnya mengikut apa yang termaktub di dalam undang-undang Islam – pindaan (1960) dan diakui oleh Menteri Kehakiman. Langkahannya tidak bertentangan dengan hukum syarak, tetapi beliau disebut melanggar undang-undang negeri. Undang-undang yang mana?

Akibat daripada ini Haji Ali, dengan suatu jalan cerdik, seolah-olah diletakkan jawatannya sebagai *Chief Kadi*. Bukannya itu sahaja tetapi beliau dihapuskan langsung jawatannya sebagai seorang kadi. Perkara ini khabarnya telah dibawa kepada Majlis Islam Penasihat kerajaan Singapura. Majlis itu menuntut supaya Haji Ali di ambil semula menjadi kadi tetapi khabarnya Tuan Ahmad Ibrahim yang menjadi Naib Yang Dipertua Majlis Islam dan menjadi pula peguam agung dan khabarnya yang menguasai pula mahkamah syariah menolak dengan suatu cara bahawa kalau Haji Ali mau jadi kadi dikehendaki membuat permohonan sekiranya ada peluang tempat-tempat kadi yang kosong. Yang Dipertua Majlis Penasihat sendiri telah meminta dirakamkan ketidaaan puas hati atas perbuatan kerajaan endah tak endah dalam soal itu.

Dengan ringkasnya bahawa Haji Ali terlucut jawatannya dari menjadi *Chief Kadi* dan *Kadi* – dan percubaan majlis Islam meletakkannya menjadi kadi, sehingga menulis ini, belum terjadi lagi. Jawatan *Chief Kadi* semenjak dari permulaan tahun 1961 dipegang oleh orang lain hingga hari ini.

Semenjak itu maka sungutan-sungutan telah timbul. Perkara mengadakan borang untuk orang-orang Islam yang hendak berkahwin diadakan; perkara seorang yang ada isteri, kalau hendak beristeri lagi mestilah meminta izin daripada isterinya yang pertama dikatakan telah berlaku; seorang suami yang hendak menceraiakan isterinya mestilah terlebih dahulu mendapat persetujuan cerai daripada isterinya juga sudah berlaku.

Apabila perkara ini tersiar maka Encik Ahmad

<sup>1</sup> Ejaan sebetulnya ayat

<sup>2</sup> Ejaan sekarang mengahwinkan

Ibrahim dengan sifatnya sebagai peguam agung kerajaan pada masa itu menafikan adanya perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak ini. Beliau menafikan dengan keras dan menuduh perkara itu tidak berlaku (lihat *Utusan Melayu* 19 April 1961). Dengan penafian itu seolah-olahnya tidak ada sesuatu pun yang terjadi – dan mahkamah syariah atau peraturan yang termaktub atau dikuat kuasakan oleh muslim *Ordinance* 1957 (nombor 25 dengan pindaan dan tambahannya (nombor 40 – 1960) adalah berjalan tidak sekali-kali bertentangan dengan perjalanan dan hukum-hukum syarak.

Tetapi sekarang persoalan itu timbul lagi.

Sungutan-sungutan telah banyak disampaikan kepada kita bahawa apa yang telah dinafikan oleh peguam agung itu khabarnya sebenarnya dijalankan dan dilakukan dengan keras oleh mahkamah syariah. Beberapa orang telah menunjukkan keterangan-keterangan kepada kita, yang daripada keterangan itu orang-orang Islam nampaknya ditengah atau dihalang daripada berkahwin lagi dan tiap-tiap orang yang hendak berkahwin lagi satu itu hendaklah terlebih dahulu meminta izin daripada isterinya yang ada; kemampuannya disiasat dan seumpamanya tetapi ada pula diantara mereka yang sudah pun ada izin daripada isterinya tidak pula hendak dinikahkan oleh *Chief Kadi*.

Dengan keadaan-keadaan yang seperti ini dasar syarak yang manakah yang dijalankan oleh *Chief Kadi* menahan perkahwinan orang-orang Islam berkahwin lebih dari satu?

Apakah halangan-halangan yang ada kepada syarak yang dikehendaki oleh *Chief Kadi* untuk menahan sesuatu perkahwinan di antara seorang yang telah ada isteri dengan seorang perempuan lain? Didasarkan “tidak boleh berlaku adil”? Kalau ini yang dikehendaki maka jelas syarak tidak menjadikan perkara itu halangan untuk mengharamkan sesuatu perkahwinan lebih dari satu hingga kepada empat.

Kalau ini menjadi sebab maka di sini kita suka membawa perhatian apa yang ditulis di dalam kitab

“*al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-’Arba‘ah*” bahawa yang dikehendaki suami adil terhadap isterinya hanya pada gilirannya bermalam sahaja. Tentang nafkah makan minum pakaian dan tempat tinggal, tidak ia diwajibkan menyamakan mereka dalam pemberian nafkah itu, bahan wajib ia memberi tiap-tiap seorang dari antara isterinya yang selayak dan bersesuaian dengan hal keadaannya.

Perkara ini telah pun banyak ditulis dalam majalah ini daripada terjemahan karangan Dr. Ali Abdal Wahid Wafi Mesir dalam bukunya “*Bayt al-Tā‘at wa Ta‘addud al-Zawjāt wa al-Talāq fi al-Islām*”. (Lihat majalah Qalam mulai bulan Januari 1962). Di sini dengan panjang lebar terbentang bahawa tidak ada satu hukuman yang menegah atau menghalang seseorang berkahwin lebih daripada satu – dan tidak ada didapati satu keterangan pun di situ yang menunjukkan bahawa Islam menghendaki syarat atas perkahwinan itu meminta izin daripada isterinya yang ada.

Berdasarkan kepada ini kita percaya umat Islam Singapura ingin mau tahu dengan undang-undang apa, undang-undang mana dan kuasa apa *Chief Kadi* jalankan dalam menahan perkahwinan yang lebih dari satu. Jika undang-undang negeri yang terkandung dalam undang-undang “Piagam Wanita”, maka dalam “Piagam Wanita” bilangan 18 tahun 1961 yang mengandungi perkara itu dalam bahagian II undang-undang itu tidak dikenakan kuatkuasanya kepada orang-orang Islam.

Jika katanya ada di dalam hukum syarak, sepanjang ‘ijmā‘ tidak ada satu pun tegahan syarak bagi orang-orang yang hendak berkahwin lebih dari satu.

Jika tidak ada daripada undang-undang negeri dan tidak ada pula daripada undang-undang syarak maka tentulah orang akan berkata bahawa harus undang-undang itu dijalankan mengikut hawa nafsu. Sekiranya undang-undang yang dikenakan itu mengikut hawa nafsu sudah tentu kerajaan PETIR sendiri tidak berkenan yang demikian sebab kita percaya kerajaan PETIR seperti juga kerajaan yang terdahulu daripadanya dan

kerajaan penjajah sekalipun telah mengakui dan membuat janji bahawa mereka tidak suka dan tidak mencampuri perkara-perkara orang-orang Islam.

Kerajaan PETIR sendiri kita percaya tidak suka "menjajah terhadap agama Islam." Siapakah yang membuat peraturan-peraturan yang telah menjajah agama Islam ini? Inilah sepatutnya diperhati oleh kerajaan PETIR yang berkuasa sekarang. Perkara ini kalau tidak diperiksa kita khuatir perasaan tidak puas hati akan timbul di kalangan umat Islam; dan tuduhan-tuduhan yang tidak baik akan berbangkit.

Orang-orang Islam masih ingat kenyataan peguam agung kepada umum pada 19 April 1961 dahulu, bahawa kerajaan tidak mengadakan suatu borang untuk orang-orang yang hendak kemudian, tetapi sekarang borang itu telah dibuat dan dikuatkuasakan.

Peguam Agung juga telah menafikan adanya peraturan cerai bahawa suatu suatu perceraian tidak boleh dibuat atau didaftarkan melainkan mendapat persetujuan daripada perempuan – ini juga sekarang diamalkan – iaitu umat Islam disuruh beramal dengan hukum-hukum yang bukan daripada hukum Islam. Tidak di situ sahaja tetapi orang-orang Islam ditahan daripada berkahwin lebih dari satu – Islam dipaksa bermonogami. Ini terbukti daripada pengakuan atau keterangan Kadi Haji Ismail di dalam ceramahnya bahawa dalam tahun 1961 hanya ada dua perkahwinan lebih daripada satu sahaja yang dijalankan.

Jika benar yang demikian ini, sudah tentu bahawa orang-orang Islam agamanya telah diperkosa dengan mengadakan hukuman-hukuman yang bertentangan dengannya. Umat Islam tetap tidak reda dalam langkah-langkah yang sedemikian ini, dan harus kerajaan juga tidak mendalamai persoalan ini kerana sekiranya ia mendalaminya sudah tentu kerajaan tidak akan melanggar

pengakuannya bahawa kerajaan PETIR tidak akan mengacau kebiasaan orang-orang Islam menjalankan agamanya.

Siapakah yang bersalah? Inilah soal-soalnya yang tidak patut didiamkan oleh umat Islam. Umat Islam, terutamanya pertubuhan-pertubuhan Islam seperti *Jamiyah*, PAS, UMNO dan PERGAS wajib menyelidiki perkara ini.



#### BUKU2 RUMI:

##### (a) Siri Buku2 Bachaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC) (Abdul Rahman H. Said)	1.50
2. Tunas Baru I	1.00
3. Tunas Baru II, II, IV (Abdul Rahman M. Said)	1.50
4. Senang Bacha I dan II (Hasan Basri) satu	0.80

##### (b) Buku2 Bachaan Tambahan untuk

##### Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A. H. Edrus)	.30
6. Peristiwa Hari Sabtu	" .30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut	.30
8. Lutong Sakti I	" .35
9. Lutong Sakti II	" .35
10. Karun dengan Harta-nya	" .35
11. Pekebun yang Tama	" .35
12. Lembu Chantek	" .35
13. Kisah Minangkabau	" .40
14. Sutan Balun	" .40
15. Puteri Balqis	" .45
16. Pendudok Gua	" .50
17. Sebab Harimau	" .50
18. Cherita Burong Hantu	" .75
19. Nakhoda Dengan Datok Kerpateh	.30
20. Si-Buta	" .3

#### Q A L A M

356 & 358, Geylang Road,  
Singapore 14.